

**Presiden SPDP Tentang Hasrat Penyandang Mas Gading Bertanding Sebagai Calon Terus BN
Bernama
22 Disember, 2011**

KUCHING, 22 Dis (Bernama) -- Presiden Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) Tan Sri William Mawan bertegas bahawa penyandang kerusi Parlimen Mas Gading Datuk Dr Tiki Lafe tidak akan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang sebagai calon terus Barisan Nasional (BN) tanpa persetujuan parti itu.

Mawan, yang juga Menteri Pembangunan Sosial Sarawak, berkata Dr Tiki, yang diberi surat tunjuk sebab kerana didakwa ingkar, akan digantikan oleh seorang daripada sekurang-kurangnya empat bakal calon boleh menang dalam pilihan raya umum akan datang.

"Beliau (Dr Tiki) telah mewujudkan kacau bilau dan seorang ahli politik yang 'tidak berdisiplin'.

"Jadi apakah yang masyarakat mahu kami lakukan, pecat beliau supaya beliau layak menjadi calon bebas bagi BN?," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan cek kepada badan bukan kerajaan di pejabatnya di Petra Jaya, di sini pada Khamis.

Mengulas kenyataan Dr Tiki bahawa beliau akan mempertahankan kerusi yang disandangnya sama ada mendapat atau tanpa persetujuan SPDP memandangkan beliau masih merupakan pengerusi jawatankuasa penyelaras BN bagi Mas Gading, Mawan berkata partinya mempunyai persefahaman dengan parti komponen BN yang lain iaitu hanya mereka yang dipersetujui oleh sebuah parti komponen BN akan dinamakan sebagai calon BN.

Dr Tiki juga dipetik sebagai berkata semalam bahawa kepimpinan tertinggi BN, terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Pengerusi BN dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga Pengerusi BN Negeri, mempunyai kata putus dalam menentang atau menggugurkan beliau dalam pilihan raya umum akan datang.

Anggota Parlimen tiga penggal dan bekas timbalan menteri itu, yang ketika ini merupakan Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara, turut memberi amaran kepada pihak yang berhasrat menjadi calon supaya menjauhkan diri dari kawasan pilihan rayanya memandangkan beliau masih merupakan wakil rakyat yang berkhidmat di kawasan berkenaan.

Antara nama yang disebut-sebut untuk menggantikan Dr Tiki adalah Henry Jinep, iaitu usahawan tempatan yang berjaya dan saudara lelakinya William Jinep, seorang penjawat awam kanan; Rayan Narong, yang bertugas sebagai akauntan di sebuah syarikat swasta di sini; Anthony Nogeh, Timbalan Pengurus Besar Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak dan Datuk Ik Pahon Joyik, setiausaha tetap Kementerian Pelancongan dan Warisan Negeri.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=635963>